

## Sukarelawan Misi Perubatan Aman Palestin mempunyai tiga objektif utama



Daripada Mohd Firdaus Ibrahim

### Gaza (Palestin)

Kalangan mafla dan pelukan mesra menyambut ketibaan kumpulan sukarelawan yang menyertai Misi Perubatan Aman Palestin sebaik tiba di bumi bergolak berkenaan, semalam.

Selepas menempuh penerbangan dan perjalanan yang memakan masa lebih 20 jam, delegasi disertai 18 sukarelawan termasuk doktor pakar dan petugas media tiba pada jam 3 petang (9 malam Malaysia).

Sambutan itu dilakukan sekumpulan rakyat Palestin diketuai Ketua Jabatan Perubatan Kebajikan dan Kompleks Masyarakat Palestin Dr Walid al-Amudi di sempadan atau pintu masuk Palestin.

Dalam ucapannya itu, Wa-

# Bukti semangat jihad

DR Walid (empat dari kanan) memberi ucapan aluan kepada delegasi Aman Palestin yang tiba di sempadan Mesir-Rafah.



lid mengalu-alukan kedatangan kumpulan sukarelawan Aman Palestin Malaysia dengan memanjatkan syukur kepada Allah dan mendoakan kejayaan misi berkenaan.

"Saya sentiasa mengalu-alukan kedatangan rakyat atau misi kemanusiaan te-

utama dari Malaysia dan Aman Palestin.

"Kehadiran ini sekali lagi membuktikan semangat kekeluargaan Islam sentiasa tertanam dalam hati rakyat Ma-

**FAKTA**  
Misi bermula 26 Mac hingga 7 April disertai enam doktor pakar dijadualkan melakukan 21 pembedahan

laysia yang sentiasa bersama-sama dengan warga Palestin untuk berjihad," katanya.

Menurutnya, dia juga berbesar hati dengan kehadiran doktor

pakar bersama delegasi Aman Palestin Malaysia dalam membantu warganya yang menderita akibat peperangan.

Sementara itu, Ketua Misi Perubatan Aman Palestin Ustaz Anas Abdul Wahab berkata, misi kali ke-14 Aman Palestin pada kali ini

memfokuskan aspek perubatan dan berkata, ia pertama kali dilakukan pihaknya.

"Kami mempunyai tiga objektif utama misi perubatan kali ini dan perkara utama bagi melakukan pembedahan elektif di tiga pusat perubatan di Gaza.

"Misi bermula 26 Mac hingga 7 April pada kali ini turut disertai enam doktor pakar yang dijadualkan melakukan 21 pembedahan itu," katanya menjangkakan proses berkenaan memakan masa tiga hingga lima hari.

Katanya, penyertaan enam pakar ini diyakini bukan sekadar membantu penduduk negara ini yang memerlukan rawatan segera sebaliknya mampu membantu doktor muda di Gaza yang masih kurang pengalaman dalam proses melaksanakan pembedahan.

"Dengan kehadiran pakar (doktor) berpengalaman dari seluruh Malaysia, saya yakin mampu memberikan manfaat berguna kepada penduduk dan doktor muda di sini," katanya.

Anas berkata, pihaknya memperuntukkan RM500,000 untuk misi kali ini bagi menjayakan misi perubatan berkenaan hasil sumbangan badan kebajikan (NGO) di Malaysia.

"Saya berharap misi kali ini dapat dilakukan dengan jayanya," katanya.

## 'Saya rasa seperti hilang kaki'

**Gaza (Palestin):** Sebelum melepasi pintu sempadan Mesir-Rafah, saya bertekad untuk menemu bual mangsa serangan udara tentera Zionis yang masih hidup dalam serangan terbaru pada November tahun lalu.

Bagaikan pepatah 'pucuk dicita ulam mendatang', saya dan delegasi sukarelawan Aman Palestin dibawa ke sebuah rumah di bandar ini yang dihuni Mahmud al-Burdi, 23, antara mangsa serangan udara yang kini terlantar akibat terkena serpihan peluru dari jet pejuang tentera zionis.

Seperti semua sedia maklum, serangan dikenali 'serangan lapan hari' tentera Zionis itu bukan sekadar membunuh pemimpin tertinggi kumpulan tentera Palestin, Briged Qassam, sebaliknya ia turut membunuh puluhan rakyat awam selain mencederakan ratusan yang lain.



DOKTOR memeriksa Mahmud yang terlantar sakit.

Peluang menemu bual Mahmud digunakan sepenuhnya saya untuk mendapatkan reaksi dan cerita sebenar apa yang berlaku pada hari kejadian, apatah lagi peluang berkenaan adalah kesempatan pertama menemu bual mangsa serangan kejam zionis sebaik menjejakkan kaki di bumi Palestin.

Saya yang teruja dengan kesempatan berkenaan antara orang terawal bergegas turun daripada bas sebaik ti-

ba di rumah berkenaan.

Saya yang berdiri di hadapan rumah Mahmud, disambut dengan senyuman ayahnya, al-Bardi, 58, yang segera menghulurkan tangan untuk bersalaman. Selepas itu, al-Burdi menjemput semua delegasi masuk ke dalam rumahnya.

Sebaik melangkah masuk, saya melihat Mahmud sedang terbaring di katil di sudut kanan rumahnya yang tidak berbilik itu.

Tanpa membuang masa, Mahmud yang ditemani rakannya terus menceritakan detik cemas menimpa dirinya dan pada masa sama, doktor pakar yang menyertai misi berkenaan memeriksa kecederaan dialaminya.

Menurut Mahmud, pada jam 11 pagi November lalu, dia berbual dengan rakannya tiba-tiba terdengar dentuman kuat yang jaraknya kurang 50 meter dari lokasi dia

dan rakannya itu berdiri.

"Apa yang saya sedar, saya terpelanting lima hingga lapan meter akibat letupan bom dilepaskan jet pejuang tentera Zionis," katanya.

Mahmod berkata, dia cuba untuk bangun semula selepas terpelanting, namun gagal.

"Saya rasakan seluruh kaki terutama kaki kanan ibarat hilang...selepas itu saya tidak sedarkan diri," katanya memberitahu, sejak insiden

“ Apa yang saya sedar, saya terpelanting lima hingga lapan meter akibat letupan bom dilepaskan jet pejuang tentera zionis”

Mahmod al-Burdi

berkenaan, dia tidak mampu berbuat apa-apa selain berbaring di katil.

"Sudah tiga pembedahan dilakukan bagi merawat kaki yang ditaja pusat kebajikan dan kerajaan Palestin sendiri, namun sehingga kini masih belum menampakkan tanda untuk pulih," katanya sambil menghulurkan beberapa keping gambar yang menunjukkan kecederaan dialaminya itu.

Saya kemudian dimaklumkan doktor bahawa tempurung lutut Mahmud hancur selain tulang paha dan betisnya patah. Apa yang dimaklumkan, peluang Mahmud untuk pulih masih ada, namun dia memerlukan kos rawatan tinggi.

Dalam pertemuan itu, Aman Palestin turut memberikan sumbangan berupa kewangan untuk meringankan beban Mahmud dan keluarganya.



**Putrajaya:** Pada saat khabar angin menyatakan Parlimen dibubarkan semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak terus mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar, Ketua Menteri dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO dan Barisan Nasional (BN) negeri di pejabatnya di sini.

Pemimpin pertama yang dilihat memasuki bangunan Perdana Putra yang menempatkan pejabat Perdana Menteri adalah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang tiba jam 8 pagi.

Beliau kemudian meninggalkan bangunan tersebut pada jam 10.10 pagi selepas berjumpa Perdana Menteri lebih sejam.

Difahamkan, perjumpaan itu yang dipercayai bagi memuktamadkan senarai calon yang bertanding di setiap negeri. Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Timbalan Perdana Menteri Tan Sri



SHAHIDAN (kiri) dan Mohamad melambai kepada kumpulan wartawan di luar bangunan Perdana Putra, semalam.

## Perjumpaan penting di Perdana Putra

Muhyiddin Yassin dan Setiausaha Agong BN Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Turut kelihatan memasuki bangunan itu ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang Datuk Zainal Abidin Osman yang tiba jam 10.40 pagi, diikuti Timbalan

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau yang sempat memperlancarkan kereta ketika menghampiri kumpulan petugas media yang berkampung sejak 7 pagi hanya tersenyum dan berkata, semuanya dalam keadaan baik.

“Semoga Allah merahmati kamu semua, Hidup BN.. Everything okay (semuanya ok),” katanya.

Menteri Besar Perlis Datuk Md Isa Sabu turut kelihatan keluar dari bangunan itu jam 11 pagi.

Pada sebelah petang pula, Pengerusi Badan Perhubu-

ngan UMNO Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah diikuti timbalannya Datuk Mukhriz Mahathir tiba jam 2.45 petang.

Pada jam 3.45 petang pula, Menteri Besar kerajaan se-

mentara Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan memasuki bangunan sebelum keluar sejam kemudian dan sempat memberhentikan kenderaan seketika untuk menyapa kumpulan wartawan yang menunggu.

Beliau berkata, ia hanya pertemuan biasa dan banyak lagi perlu dibincangkan.

“Sekarang cuma peringkat saringan, belum finalize (muktamad) lagi... Tak tahu (bila),” katanya.

Menyusul selepas itu, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob yang mengadakan pertemuan kira-kira sejam.

Difahamkan pemimpin terakhir yang meninggalkan bangunan Perdana Putra ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed iaitu kira-kira jam 6.05 petang.

**“Sekarang cuma peringkat saringan, belum finalize (muktamad) lagi... Tak tahu (bila)” Mohamad Hasan**



Daripada Mohd Firdaus Ibrahim

### Gaza (Palestin)

Selain dijadual melakukan 21 pembedahan elektif, misi Aman Palestin ke bandar ini bakal memberi sinar dan pengalaman baru kepada doktor muda Palestin.

Difahamkan, selain kekurangan peralatan dan ubat, doktor muda negara berkenaan juga kurang pengalaman dan pendedahan sebenar dalam melakukan pembedahan.

Perkara itu didedahkan, Ketua Perubatan Aman Palestin, Prof Madya Dr Zainur Rashid Zainuddin berkata, selain memfokuskan 21 pembedahan mangsa perang, pihaknya juga dijadualkan memberi syarahan kepada doktor muda Palestin selain melaporkan perkembangan baru dunia perubatan kepada mereka.

Menurutnya, enam pakar perubatan dari dua bidang orthopedik dan urologi termasuk dirinya bersama dalam misi berkenaan yang boleh dikatakan memberikan sinar kepada doktor muda di sini.

“Semua mereka (doktor) pakar dalam bidang berkenaan dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka bersama doktor muda di sini,” katanya.

Dr Zainur berkata, pihaknya membantu doktor muda Palestin mendapatkan pengalaman dan kaedah sebenar pembedahan.

“Kebanyakan doktor Palestin kurang pengalaman dalam melakukannya. Jadi, kehadiran pakar perubatan

# Misi 21 pembedahan

## Aman Palestin latih doktor muda negara bergolak guna teknologi perubatan terkini

dari Malaysia dalam misi ini memberi pengalaman sebenar kepada mereka bagi melakukan pembedahan,” katanya dan memberitahu, doktor muda Palestin akan bersama dengan pakar perubatan Malaysia ketika melakukan pembedahan.

Beliau berkata, 21 pem-

bedahan itu dilakukan di tiga pusat perubatan di daerah ini dan menjangka ia memakan masa antara empat hingga lima hari.

Katanya, selain melakukan pembedahan elektif, misi perubatan juga adalah memberikan perkembangan terbaru teknologi perubatan

kepada doktor muda Palestin.

“Seperti semua sedia maklum, mereka (doktor) agak ketinggalan dalam bidang perubatan dari segi penggunaan teknologi.

“Malah kita (Aman Palestin) juga memberikan syarahan kepada pelajar peru-

batan di Universiti Islam Gaza,” katanya.

Menurutnya, pihaknya memperuntukkan RM500,000 dalam misi bantuan perubatan ke Gaza pada misinya kali ini.

Ditanya mengenai peralatan perubatan yang dibawa ke sini, Dr Zainur berkata, mereka membawa tiga set peralatan perubatan yang setiap satu bernilai RM23,000.



DR Zainur



**Gaza (Palestin):** Terharu, sedih dan kasihan adalah perasaan yang saya alami sebaik melihat sekumpulan lima kanak-kanak dan remaja berusia antara 12 hingga 15 tahun terpaksa mengemis di Makam Syuhada, di sini, bagi mendapatkan wang.

Alasannya, mereka perlu menyara keluarga yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Kumpulan kanak-kanak dan remaja itu dilihat berlari ke kawasan makam sebaik melihat kehadiran orang luar ke kawasan berkenaan sebelum berusaha menghampiri sesiapa saja dan meminta wang.

Kanak-kanak yang mahu dikenali sebagai Mohamed, 12, berkata, mereka akan menunggu di kawasan makam berkenaan sebaik mengetahui daripada rakan kehadiran orang luar ke Palestin.

“Di sini (makam) adalah antara kawasan wajib dikunjungi orang luar. Di sini lubang kami mendapatkan

KANAK-KANAK yang ditemui mengemis di kawasan perkuburan pejuang Palestin.

wang,” katanya memberitahu, dia mengemis kerana mahu membantu keluarganya yang susah.

Mohamed dan rakannya bagaimanapun melarikan diri selepas disergah sekumpulan warga Palestin yang lebih dewasa yang juga berada di kawasan berkenaan membuatkan saya gagal menemukannya lebih

mendalam mengenai kesusahan dialami.

Apapun, sebelum berbuat demikian, Mohamed menjerit bahawa dia juga bakal menjadi syuhada dan kuburnya ditempatkan di kawasan makam berkenaan.

Biarpun begitu, saya sempat merakam gambar Mohamed yang memerhatikan wartawan dan kumpulan

sukarelawan Aman Palestin dari jauh.

Apa yang menarik perhatian saya ialah apabila dimaklumkan seorang sukarelawan Aman Palestin yang sudah kerap kali masuk ke sini, kebanjiran kanak-kanak atau remaja di kawasan berkenaan dan mengemis pertama kali berlaku sejak lebih lima kali dia datang ke

kawasan berkenaan.

Hujahnya, masyarakat Palestin paling ‘menghina’ orang mengemis kerana bagi mereka menjatuhkan martabat diri dan tergolong dalam kasta terendah rakyat negara berkenaan. Katanya, dia percaya keadaan ekonomi yang membuatkan semua perkara memalukan dan paling dibenci warga Palestin sendiri berlaku.

Saya kemudian menziarahi kubur Briged Komander al-Qassam Syeikh Ahmad al Jabari yang maut dalam serangan pertama pada November tahun lalu.

Untuk makluman semua, makam seluas hampir 100 meter persegi ini menempatkan ratusan pejuang Palestin yang terkorban dalam menentang tentera Zionis.

Manakala, Syeikh Ahmad adalah tokoh rundingan yang menukarkan 1,027 tahanan Palestin di penjara Israel dengan hanya seorang tentera mereka berpangkat koperal pada 2011.



# Mata kena serpihan peluru



**ANAS** memeriksa mata kanan Hussein yang terkena serpihan peluru.



**MASJID** al-Qassam yang masih dalam proses pembinaan semula.



## KEMASUKAN MAC - APRIL 2013

**INTRA INTERNATIONAL SKILLS ACADEMY**  
KURSUS KEMAHIRAN JPK, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

DENGAN USAHASAMA  
OPEN UNIVERSITY  
MALAYSIA

### KURSUS - KURSUS YANG DITAWARKAN

DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM) TAHAP 2, 3 & 4	SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 1, 2 & 3
<ul style="list-style-type: none"> <li>DIPLOMA EKSEKUTIF SISTEM MAKLUMAT</li> <li>DIPLOMA EKSEKUTIF SISTEM KOMPUTER</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>JURUTEKNIK ELEKTRIK KANAN</li> <li>JURUTEKNIK PENYEJUKBEKUAN</li> <li>JURUKECANTIKAN</li> <li>PEREKA FESYEN WANITA</li> </ul>

### TAWARAN KEMASUKAN UNTUK PENINGKATAN TAHAP

#### KELEBIHAN PROGRAM

- Berumur 15 - 40 tahun
- Persijilan dari kerajaan (Kementerian Sumber Manusia)
- Pinjaman PTPK & elaun sara diri RM300/sebulan
- Tiada bayaran tambahan sepanjang pengajian
- pinjaman untuk yuran pengajian diuruskan sepenuhnya
- bahasa pengantar ialah bahasa melayu
- pensyarah berpengalaman & mesra

- pelajar
- Asrama & pengangkutan disediakan sepanjang pengajian
- Peluang Latihan Pra-Industri (Elaun RM500 - RM1000 sebulan)
- Aktiviti luar kelas
- Peluang pekerjaan terjamin
- Sijil Diploma Eksekutif & Sijil Kerjaya SoLL-OUM
- Diiiktiraf oleh KSM JPK/PTPK/SoLL-OUM
- Konvolesyen di PWTC

PERHATIAN  
LEPASAN  
PMR/SPM



Jabatan Pembangunan  
Kemahiran

**Elaun sara diri  
RM300  
sebulan**

**MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI :- PEJABAT: 03-3289 7554, 03-3289 7529**

(ROZITA) 017-622 3083, 019-354 4714 / SMS 012-469 8011

Email : plk\_intra@yahoo.com Web : intra.edu.my

NO. 21 & 23, Jalan Raja Idris, Pekan Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan



Daripada  
**Mohd Firdaus  
Ibrahim**

## ■ Penduduk tersepit pertempuran sesama sendiri selain ancaman Israel

Oleh **MOHD FIRDAUS IBRAHIM**  
mfirdaus@hmetro.com.my  
**Gaza**

Selain menjadi mangsa sasaran serangan tentera Israel, penduduk di bandar ini juga ada ketikanya tersepit dalam pertempuran dalaman yang berlaku di Palestin sendiri.

Natijah daripada pertempuran yang berlaku sesama sendiri itu turut mengorban

atau mencederakan orang awam tidak berdosa.

Wartawan dan kumpulan sukarelawan Misi Perubatan Aman Palestin yang dibawa ke sebuah rumah golongan miskin terdiri daripada pelarian Palestin di perkampungan Khanyouni berkesempatan bertemu Hussein Arafat Abu Ghali, 16, antara individu yang menjadi mangsa pertempuran berkenaan.

Menurut Hussein, pertempuran antara kumpulan Fatah dan Hamas pada 1998 tidak akan dapat dilupakannya.

"Dalam pertempuran itu saya antara yang cedera apabila mata kanan terkena serpihan peluru. Ketika itu saya baru berusia sembilan tahun," katanya yang hanya sedar ketika berada di hospital dan mengalami kesakitan teramat sangat.

Mengimbu detik hitam itu, Hussein berkata, ketika kejadian kira-kira jam 7 pagi itu, dia dalam perjalanan ke sekolah.

"Tiba-tiba mata kanan saya sakit bagaikan dicucuk benda tajam sebelum saya rebah tidak sedarkan diri," katanya yang cuba melupakan kejadian itu tetapi gagal kerana matanya kini tidak dapat berfungsi dengan sempurna.

Katanya, dia bagaimanapun bersyukur kerana terselamat selain diberi bantuan perubatan oleh kerajaan Palestin untuk merawat mata kanannya itu.

Dalam lawatan berkenaan, Ketua Delegasi Misi Perubatan Aman Palestin, Uztaz Anas Abdul Wahab turut menyampaikan sumbangan wang bagi meringankan beban Hussein yang sudah kematian bapa.

"Saya harap sumbangan ini dapat meringankan beban ditanggung keluarga Hussein," katanya.

Menurut Anas, selepas kematian bapa, Hussein dan enam lagi saudaranya kini bergantung harap kepada ibunya, Najah Abu Lahali bagi membesarkan mereka.



**WARTAWAN** dikerumuni golongan remaja selepas menunaikan solat Jumaat bersama mereka.

**Gaza (Palestin):** Jangan lupa kami. Semoga kita jumpa lagi di syurga. Itulah antara harapan seorang rakyat Palestin yang hanya mahu dikenali sebagai Muhammad, 45, kepada wartawan selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Khalid al-Walid, Khanyounis di sini, kelmarin.

Muhammad berkata, dia dan rakyat Palestin mengalu-alukan kedatangan kumpulan sukarelawan Aman Palestin di Gaza bagi membantu masyarakat di sini.

"Terima kasih kepada rakyat Malaysia kerana sudi membantu kami. Bantuan kamu cukup berharga buat kami dan teruskanlah niat murni itu.

"Jangan lupakan kami dan semoga berjumpa di syurga," kata Muhammad mengakhiri perbualan ringkas dengan wartawan.

Sebelum beredar, Muhammad memeluk wartawan dan menangis sambil membisikkan perkataan cukup bermakna dalam nada sebak iaitu: "Terima kasih Malaysia."

Jujurnya, sikap dan perlakuan Muhammad membuat wartawan sebak se-

ketika dan hanya mampu mengangguk.

Untuk makluman, sebelum dihipi Muhammad dan penduduk Khanyounis yang lain, wartawan mendengar pengumuman pihak pengurusan masjid selepas solat Jumaat namun tidak difahami kerana menggunakan bahasa Arab.

Bagaimanapun, wartawan dapat mengagak ia mengenai jemaah bahawa kumpulan sukarelawan dan petugas media Malaysia bersama mereka di masjid itu.

Selepas pengumuman itu, kumpulan sukarelawan dan petugas media dikerumuni bagaikan seorang wira.

Kebanyakan mereka yang tidak dapat berbahasa Inggeris hanya datang bersalaman dan mengangguk sebelum mengerumuni wartawan.

Ada juga yang meminta gambar mereka dirakamkan selain tidak kurang mahu bergambar bersama sukarelawan menggunakan telefon bimbit masing-masing.

Perkara sama berlaku kepada wartawan dan permintaan mereka untuk bergambar tidak putus-putus. Ma-

lah, untuk keluar dari masjid berkenaan, semua sukarelawan terpaksa diiringi petugas Aman Palestin yang berasal dari sini.

Wartawan kemudian dimaklumkan oleh Ketua Delegasi Misi Perubatan Aman Palestin, Uztaz Anas Abdul Wahab bahawa rakyat Palestin mengalu-alukan kedatangan dan kehadiran rakyat Malaysia di sini.

Sebelum itu, wartawan dan kumpulan sukarelawan dibawa meninjau tapak pembinaan semula Masjid al-Qassam yang hancur dibomb tentera Zionis pada tahun 2008.

Anas berkata, Aman Palestin menaja sepenuhnya pembinaan semula masjid berkenaan yang menelan kos RM800,000.

"Ia dimulakan pada Oktober 2012 dan kini 75 peratus siap," katanya ketika meninjau tapak pembinaan itu yang terletak kurang dua kilometer dari sempadan Israel.

Katanya, disebabkan terlalu dekat dengan penempatan haram Israel, perkampungan berkenaan sering menjadi sasaran serangan tentera rejim berkenaan.



## DETIK-DETIK PEMBEDAHAN MANGSA KEKEJAMAN ISRAEL



### Pengalaman wartawan saksi pembedahan mangsa perang



Daripada  
**Mohd Firdaus  
Ibrahim**

Gaza (Palestin)

**T**eruja, berdebar dan gementar. Itu perasaan saya tatkala mendapat kebenaran membuat liputan penuh pembedahan seorang mangsa perang Palestin-Israel di bilik pembedahan, Hospital Sahabat Pesakit, di sini, kelmarin.

Liputan eksklusif berkenaan dilakukan ketika pembedahan bagi merawat Helme Abed, 32, mangsa kekejaman tentera Israel pada 2008 yang ditembak di paha menyebabkan otot kaki kanannya rosak.

Disebabkan itu, Helme tidak mampu menggerakkan kakinya.

Untuk makluman, pembedahan itu dilakukan secara kolaborasi bersama Pakar Ortopedik Hospital Senawang Malaysia Dr Zairul Nizam Zainol Fithri yang menyertai Misi Perubatan Aman Palestin dan



WARTAWAN (kiri) bersama  
Dr Muhammed dan Dr Zairul (kanan)  
selepas pembedahan Helme.

# Gigil lihat betis digerudi

**FAKTA**  
Pembedahan memakan masa satu jam 15 minit berakhir dengan jayanya

Pakar Ortopedik Hospital Shifa di Gaza Dr Muhammed Ali Rantisi bermula jam 2.29 petang dan selesai jam 3.45 petang (waktu Palestin).

Bagi saya, pengalaman berada dalam bilik pembedahan hampir satu jam 15

minit selain menyaksikan sendiri perjalanan pembedahan dari awal hingga akhir adalah detik manis yang cukup bermakna.

Jujurnya, ia pengalaman pertama yang agak menamatkan namun saya me-

nguatkan semangat kerana mengetahui ia peluang yang sukar diperoleh di Malaysia apatah lagi membabitkan mangsa peperangan.

Sebelum mengikuti pembedahan, saya dimaklumkan Dr Zairul bahawa kekurangan peralatan canggih dan bekalan ubat-ubatan adalah satu perkara yang berlaku di seluruh hospital di Gaza selain jumlah pesakit yang ramai akibat peperangan.

Tepat jam 2.29 petang (waktu Palestin), Dr Zairul, saya bersama Dr Muhammed memasuki bilik bedah selepas menukar pakaian.

Ketika itu terdapat empat pembantu perubatan bersedia dengan peralatan ringkas yang diletakkan berhampiran katil menempatkan Helme.

Suasana di bilik pembedahan mula sibuk, Dr Zairul dan Dr Muhammed membuat garisan panjang di betis kanan Helme, malah satu garisan sepanjang tiga sentimeter ditanda di atas kaki Helme.

Biarpun bukan pelajar perubatan, saya sedar garisan berkenaan tempat dibedah.

Dr Muhammed dibantu Dr Zairul menyapukan iodin di seluruh kaki Helme sebelum

mereka membalut kaki kanannya.

Selepas balutan itu ditanggalkan semula 10 minit kemudian, betis dan atas kaki kanan Helme mula dibedah.

Ini detik yang membuatkan saya tergamam seketika dan ia bukan berlaku kerana takutkan darah sebaliknya, pertama kali lihat otot kaki manusia.

Pembantu perubatan ketika itu mula mengelap darah yang mengalir. Manakala Dr Muhammed dan Dr Zairul menarik keluar sebelum memotong otot kaki kanan Helme.

10 minit kemudian, kaki saya tiba-tiba menggigil. Mana tidaknya, ketika itu saya menyaksikan Dr Muhammed dibantu Dr Zairul mengerudi betis dan bahagian atas kaki Helme yang saya rasakan untuk dijadikan laluan untuk menghubungkan otot yang masih berfungsi.

Jujurnya, pada saat itu terlintas di fikiran untuk keluar daripada bilik pembedahan itu namun kerana terlalu menghargai peluang yang diperoleh, saya kuatkan semangat.

Saya bernasib baik perasaan gementar itu hanya berlaku lima minit dan

hilang selepas beberapa kali berselawat.

Selepas menyambung otot yang tidak berfungsi kepada yang masih berfungsi, Dr Zairul dan Dr Muhammed mula melakukan jahitan sebelum kaki Helme disimen.

Dr Muhammed dan Dr Zairul kemudian memberitahu pembedahan yang memakan masa satu jam 15 minit itu berakhir dengan jayanya.

Kenyataan itu membuatkan saya tersenyum sendirian kerana bagaikan tidak percaya dapat bertahan selama tempoh berkenaan menyaksikan sesuatu yang mungkin tidak boleh dilakukan semua orang terutama mereka yang lemah semangat.

Saya kemudian melihat Muhammed dan pembantu perubatan mengejutkan Helme namun dia masih dalam keadaan separuh sedar.

Helme kemudian ditolak ke wad sebelum saya bersama Dr Muhammed dan Dr Zairul merakamkan gambar bersama di katilnya.

Dalam temubual ringkas dilakukan selepas pembedahan itu, Dr Muhammed berkata, kelewatan Helme untuk mendapatkan rawatan segera selepas ditembak tentera Israel menyebabkan otot kaki kanannya rosak.

"Jika dia datang lebih awal, otot berkenaan mungkin dapat diselamatkan," katanya memberitahu masih ramai pesakitnya menghadapi masalah sama dan dibedah dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Dr Zairul berkata, proses untuk menyembuhkan luka pembedahan itu memakan masa selama dua hingga tiga bulan manakala, Helme memerlukan masa selama enam bulan pula untuk belajar berjalan seperti orang normal.

"Saya amat kagum dengan doktor di sini biarpun mereka hanya menggunakan peralatan dan ubat-ubatan yang terhad namun berjaya melakukan pembedahan dengan baik," katanya.

Dr Zairul berkata, sehingga kini 14 pesakit sudah dibedah oleh dia dan lima doktor sejak Misi Perubatan Aman Palestin tiba di Gaza.

## Seorang pelajar kita belajar di Gaza

**Gaza (Palestin):** Universiti Islam Gaza mempunyai seorang pelajar dari Malaysia. Perkara itu dinyatakan Naib Canselor Universiti Islam Gaza Profesor Muhammed M Shabat ketika kumpulan sukarelawan Misi Perubatan Aman Palestin melawat universiti berkenaan, di sini, kelmarin.

Menurutnya, rakyat Malaysia berkenaan baru mendaftarkan diri Februari lalu.

"Kami juga ada dua pelajar daripada Indonesia dan jumlah keseluruhan pelajar di universiti ini adalah 20,000," katanya yang sebelum itu mengalu-alukan kedatangan kumpulan sukarelawan Aman Pales-



DR Omar

tin ke Gaza.

Beliau berkata, kesukaran untuk memasuki Gaza di kawasan sempadan menyukarkan pelajar dari negara luar untuk datang dan belajar.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perubatan Universiti Islam Gaza Dr Omar Furwana yang ditemui sebelum itu berkata, pihak pengurusan universiti masih memerlukan dana bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan.

"Pelajar terutama dalam bidang perubatan memerlukan bantuan kewangan seperti biasiswa," katanya.

Selain membangkitkan masalah biasiswa, Omar juga berkata, pihaknya berbesar hati sekiranya rombongan kumpulan sukarelawan yang disertai doktor memberikan lebih informasi bagaimana untuk belajar di Malaysia.



# 'Kamu diperhatikan'

KUBU tentera Israel tersembunyi di sebalik rimbunan pokok.



Daripada  
Mohd Firdaus  
Ibrahim

Gaza (Palestin)

Tentera Israel sedang melihat wajah kamu dengan jelas. Itulah ungkapan pertama sebaik saya dan beberapa sukarelawan Misi Perubatan Aman Palestin menjajakkan kaki ke ladang gandum di Syijaya, Timur Gaza, semalam.

Perkara itu dimaklumkan pekerja ladang, Hassan al-Yad, 25, yang berkata lokasi di mana saya dan sukarelawan lain sedang berdiri hanyalah kurang dua kilometer dari kubu tentera Israel.

Menurutnya, kawasan ladang berkenaan boleh dikatakan kawasan paling berisiko diserang tentera Israel malah, setiap kali peperangan meletus, semua pekerja ladang dihalang memasuki kawasan berkenaan.

"Di sebalik pokok di tengah-tengah ladang itu adalah kubu tentera Israel yang lengkap dengan senjata ringan dan berat," katanya sambil menunjukkannya ketika ditemui di sini, semalam.

Hassan berkata, peluru tentera Israel boleh mengenai mereka pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang amaran.

"Jika (mereka) lepaskan tembakan, ia hanya mengambil masa dua minit untuk mengenai kawasan ini," katanya sambil menunjukkan kelongsong mortar milik tentera Israel yang dilepaskan ke kawasan ladang berkenaan pada peperangan 2008 dan November lalu.

Katanya, mortar itu antara yang ditembak tentera Israel pada November lalu dan menyebabkan semua pekerja ladang terpaksa menunggu hingga tamat peperangan malah ia

## Ladang gandum di Syijaya 2km dari kubu tentera Israel

sememangnya menjejaskan ekonomi peladang malah, terdapat peladang yang maut dalam serangan berkenaan.

Ditanya bagaimana tentera Israel boleh melihat wajah saya dan semua kumpulan sukarelawan, Hassan berkata, mereka (Israel) mempunyai pelbagai teknologi canggih yang digunakan untuk mengintip seluruh Palestin seperti drone dan mungkin banyak lagi peralatan milik mereka.

"Jadi, sudah tentu kamu semua juga tidak terlepas dari pandangan mereka. Saya yakin, kamu dan saya sedang diperhatikan," katanya memberitahu, tentera Israel menjadikan pokok di tengah ladang berkenaan sebagai perlindungan mereka.

Katanya, pokok itu juga melindungi pergerakan mereka daripada dilihat orang luar terutamanya pejuang Palestin.

Pemerhatian saya mendapati kawasan ladang gan-

dum seluas kira-kira dua kilometer persegi itu kini dibahagikan kepada dua. Malah, hanya kurang 500 meter sahaja kawasan ladang yang masih milik rakyat Palestin dapat diusahakan kerana kawasan selebihnya sudah dirampas tentera Israel.

Hassan kemudian menerangkan bahawa pohon menghidu yang bagaikan satu barisan di tengah ladang berkenaan dijadikan sempadan antara kawasan Palestin dan Israel.

Katanya, bukan saja melepasi kawasan berkenaan sebaliknya mereka (tentera Israel) akan melepaskan tembakan jika sesiapa saja yang cuba berada berhampiran kerana mereka takut diserang.

"Malah, jika ada kenderaan yang melepasi 500 meter daripada kawasan kita berdiri sekarang, saya pasti dia ditembak," katanya.

Tambahnya, dia dan peladang lain sudah tidak takut untuk berperang.

**FAKTA**  
Peluru tentera Israel boleh mengenai peladang Palestin pada bila-bila masa tanpa amaran

KESAN tembakan di dinding bangunan Hospital al-Shifa.



HASSAN menunjukkan kelongsong mortar milik tentera Israel yang menyerang ladang gandum milik mereka.



ALAT penyahmasinan yang disumbangkan Aman Palestin kepada Hospital Maktyrs al-Gaza.

## Hospital turut dibedil

**Gaza (Palestin):** Kekejaman Israel sememangnya diketahui di seluruh dunia namun pengalaman melihat sendiri bukti perbuatan kejam itu nyata membangkitkan kemarahan sebaik menjejaskan kaki ke Hospital al-Shifa, di sini, kelmarin.

Mana tidaknya, hospital yang menempatkan ratusan pesakit juga tidak terlepas daripada serangan mereka.

Wartawan sempat merakamkan beberapa keping gambar menunjukkan kesan tembakan yang masih berada di dinding bangunan

hospital berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin Malaysia di Gaza Ir Omar Sayem berkata, dia tidak pasti tarikh sebenar serangan berkenaan namun ia adalah kejadian pada tahun 2008 dan November lalu.

Menurutnya, masjid bersebelahan hospital iaitu Masjid al-Shifa juga musnah dibom tentera Israel menggunakan jet pejuang pada 2008 namun, ia dibina semula.

"Dengan izin Allah, ia dijangka siap dalam masa terdekat," katanya yang meninjau peralatan ENT yang disumbangkan Aman Palestin untuk kegunaan hospital berkenaan.

Katanya, mesin berkenaan berharga ASS30,000 (RM90,000) dan disumbangkan pada

2010.

Semalam, kumpulan sukarelawan dan wartawan Malaysia dibawa meninjau Hospital Maktyrs al-Gaza.

Menurut Omar, di hospital berkenaan pihak Aman Palestin menyumbangkan unit penyahmasinan berharga ASS100,000 (RM300,000).

"Akibat peperangan, ramai rakyat Palestin mengalami pelbagai penyakit dan ada antara mereka menderita sakit sejak lebih lima tahun tanpa mendapat rawatan sewajarnya.

"Jadi, dengan sumbangan ini, kita percaya dapat meringankan sedikit bebanan ditanggung mereka. Ini adalah bukti keihlasan rakyat Malaysia yang sanggup memberikan sumbangan untuk membantu rakyat Palestin yang dalam kesengsaraan," katanya.



# Koma diseksa 6 bulan

Pejuang Palestin cerita pengalaman ngeri ketika ditawan tentera Israel



Daripada Mohd Firdaus Ibrahim

Gaza (Palestin)


Dalam keadaan kaki dan tangannya diikat dengan rantai serta tidak dibenar menjamah makanan dan minuman, Muhammed yang kini berusia 50 tahun, bukan saja disepak, diterajang, malah turut dihentak dengan senapang, dibelasah dengan cota, disebat dengan rantai besi serta dikenakan renjatan elektrik.

Biarpun sudah pangsang akibat diseksa, seksaan terhadapnya terus dilakukan tanpa henti hampir setiap jam. Itulah antara kekejaman terpaksa ditempuh tahanan perang dan rakyat Palestin yang ditawan tentera Israel.

Muhammed, 50, yang ditahan pada 2008, dijatuhkan hukuman penjara 45 tahun oleh Israel kerana berperang dengan tentera Zionis.

"Saya antara pejuang Palestin yang ditahan tentera Israel di sempadan Gaza," katanya yang ditemui di rumahnya di sini, kelmarin.

Diminta menceritakan pengalaman ngerinya sepanjang menjadi tahanan di pen-



KAKI Muhammed yang dirantai ketika berada dalam penjara.

**"Tanpa diberi minuman dan makanan, kami diseksa setiap hari, setiap jam" Muhammed**

jarah Israel, Muhammed berkata, setiap hari tubuhnya serta tangannya dikenakan renjatan elektrik.

"Tanpa diberi minuman dan makanan, kami diseksa setiap hari, setiap jam. Mereka (tentera Israel) memukul kami lebih teruk daripada binatang.

"Jika ada pun makanan, mereka memberikan makanan anjing atau yang sudah basi dengan cara amat biadab.

"Saya diperlakukan seperti itu hampir enam bulan. Ketika tidak sedarkan diri pun mereka masih mendera saya sebelum terus koma dan dibuang di tengah padang pasir," katanya.

Apabila tersedar daripada koma enam bulan kemudian, dia mendapati dirinya sudah berada di hospital di Gaza.

Dia diberitahu dia ditemui di tengah padang pasir dalam keadaan koma.

"Mereka (Israel) memang kejam. Perkara ini bukan saja menimpa saya, sebaliknya semua pejuang dan rakyat Palestin yang ditawan," katanya.

Menurutnya, ada tahanan koma dibuang di tengah padang pasir seperti yang meninggal dunia kerana lewat ditemui.

Muhammed yang terlantar dan tidak boleh bangun mendapat rawatan dengan tajaan NGO dan kerajaan Palestin.

Ditanya mengenai kesaki-

tan dialaminya ketika diseksa, Muhammed berkata, kesakitan hanya pada tubuh namun hatinya tetap tenang mengingatkan Allah.

"Saya yakin Allah yang membuatkan saya koma hingga saya dibuang di tengah padang pasir dan diselamatkan. Saya yakin Allah merancang segalanya.

"Dalam keadaan bagai 'mati hidup semula' ini, saya dapat menceritakan kekejaman tentera Israel kepada dunia," katanya yang mengalu-alukan kehadiran wartawan dan penterjemah yang juga rakyat Malaysia di Palestin.

Muhammed bagaimanapun enggan membenarkan gambarnya dirakam tetapi menunjukkan kesan kecederaan tubuhnya akibat diseksa.

Kami saksikan kesan penyeksaan yang mengerikan dengan hampir keseluruhan tubuhnya dipenuhi lebam besar serta berbirat.

Muhammed yang menyedari kami agak kecewa kerana tidak dibenar merakamkan gambar kesan kecederaannya, menunjukkan gambar dalam telefon bimbitnya dan memberitahu itulah dirinya ketika berada dalam penjara Israel.

Ditanya bagaimana dia dapat merakamkan gambar berkenaan, Muhammed berkata rakan tahanan yang merakamkan gambarnya melalui telefon bimbit yang diseludup masuk.

"Laporkan kebenaran mengenai kekejaman Israel ke seluruh dunia dan inilah realiti sebenar menimpa kami.

"Teruskan usaha murni anda dan seluruh rakyat Malaysia membantu saudara seagama di sini. Bumi Palestin juga milik rakyat Malaysia," katanya mengakhiri perbualan.

"Sekarang, satu kilogram udang kecil berharga RM100, ikan sardin RM30 dan ikan merah yang hanya sebesar tiga jari berharga RM60," katanya menceritakan keadaan terpaksa dihadapi mereka kini.

Muhammad berkata, harga itu meningkat akibat kekurangan bekalan makanan.

Selain risiko enjin bot ditembak jika keluar menangkap ikan di laut dalam, nelayan juga bimbang ditahan tentera Israel.

"Biarpun insiden nelayan ditembak mati dan ditahan tentera Israel jarang berlaku, kami tidak mahu mengambil risiko itu," katanya memberitahu ada juga nelayan ditembak mati pada tahun 2010.



22 tahun bersama ANDA

**"Kami amat menghargai segala kerjasama dan komitmen yang diberikan HM dalam melaporkan isu setempat. Tahniah kepada editor dan warga kerja HM dan saya mengucapkan Selamat Ulang Tahun ke-22."**

DATUK ASMAWI KASBI  
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya

## Kaki palsu ditaja Aman Palestin

Gaza (Palestin): "Bukan sekadar pembedahan malah kaki palsu ini juga tajaan Aman Palestin," kata Samih al-Masni, 40, yang dibawa ke Malaysia oleh Aman Palestin pada 2010 untuk menjalani pembedahan di beberapa hospital selepas cedera parah akibat serangan pesawat tanpa pemandu milik Israel pada Januari 2009.

Mengimbas kejadian itu, Samih berkata, kira-kira jam 7 pagi (waktu Palestin) dia terkena serangan tentera Israel ketika berada berhampiran rumahnya di Tal Al-Hawa, di sini.

"Ketika itu saya bersama dua rakan. Seorang daripada mereka maut di tempat kejadian. Ketika sibuk menguruskan rakan yang mati, kami diserang kali kedua kira-kira jam 8.30 pagi," katanya yang ditemui di rumahnya, semalam.

Menurutnya, serangan kedua, juga oleh pesawat tanpa pe-

mandu itu menyebabkan dia cedera parah di seluruh badan.

"Rakan-rakan membawa saya ke Hospital al-Shifa untuk rawatan," katanya yang mempunyai enam anak berusia antara dua hingga 14 tahun.

Akibat, kekurangan peralatan, dia dibawa ke Mesir untuk rawatan namun doktor mendakwa tidak boleh melakukan apa-apa.

"Alhamdulillah, pada 2010 dengan bantuan Aman Palestin, saya dibawa ke Malaysia dan dirawat di sana selama lapan bulan. Saya menjalani pembedahan dan di rawat di hospital di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

"Ketika di sana, saya terharu kerana dikunjungi Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri) dan isterinya," katanya.

Dia mendapat kaki palsu bernilai RM150,000 yang membolehkannya bergerak lebih sempurna.



SAMIH bersama kaki palsu yang ditaja Aman Palestin.



HANYA enam ekor ketam dapat ditangkap Muhammad selepas hampir seharian.

Enjin bot sasaran Israel

Gaza (Palestin): "Mereka (tentera Israel) selalunya tidak menembak kami, sebaliknya menyasarkan enjin bot," kata Muhammad Abu Syarafik, 23, nelayan Palestin yang ditemui di Pelabuhan Gaza di sini, kelmarin.

Menurutnya, nelayan Palestin hanya dibenar menangkap ikan kira-kira tiga batu nautika dari pantai sejak 2008.

"Namun, selepas kekalahan Israel November lalu, kami boleh menangkap ikan pada jarak enam batu nautika," katanya.

Menurut Muhammad, tentera Israel berbuat demikian kerana sengaja mahu menjejaskan hasil tangkapan sekali gus menyebabkan rakyat Palestin menderita.



# Sekolah tahfiz Malaysia-Palestin



SEKOLAH tahfiz sumbangan wang rakyat Malaysia akan dibina April ini.

## Aman Palestin masih perlukan RM600,000 teruskan pembinaan di Khanyounis

Oleh Mohd Firdaus Ibrahim  
mfirdaus@hmetro.com.my  
Gaza (Palestin)

Aman Palestin masih memerlukan dana tambahan sebanyak ASS200,000 (RM600,000) bagi membina sebuah sekolah tahfiz di Khanyounis, di sini, yang bakal menampung seramai 800 pelajar.

Perkara itu didedahkan, Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin di Palestin Omar Sayem yang berkata, pihaknya kini hanya mem-

punyai ASS300,000 (RM900,000) dan masih memerlukan baki dana berkenaan bagi menjayakan projek berkenaan.

Menurutnya, hasil rundangan dilakukan, kerajaan Palestin sudah bersetuju dan memberikan tanah seluas 46,500 meter persegi untuk dijadikan tapak sekolah berkenaan.

"Sehingga kini kita masih mengharapkan sumbangan rakyat seluruh dunia terutamanya Malaysia bagi menjayakan projek berkenaan.

"Saya berharap orang ramai terus memberikan sumbangan dalam memastikan projek yang bakal membantu kira-kira 800 pelajar di daerah ini bagi mendapatkan pendidikan sempurna," katanya ketika melawat tapak pembinaan sekolah tahfiz berkenaan, kelmarin.

Omar berkata, pembinaan sekolah berkenaan dijadualkan bermula awal bulan ini

dan dilakukan oleh jurutera tempatan.

Katanya, sekolah tahfiz ini akan memberikan sistem pendidikan awal kepada kanak-kanak di daerah itu.

"Kanak-kanak yang akan menjadi pelajar di sekolah ini adalah berusia antara tujuh dan 12 tahun. Malah, nama sekolah berkenaan juga akan diberikan sempena hubungan Malaysia-Palestin," katanya memberitahu pihaknya masih mencari nama sekolah berkenaan.

Omar berkata, pihaknya juga merancang untuk melakukan dua sesi persekolahan iaitu pagi dan petang bagi mengasingkan antara pelajar lelaki dan perempuan.

"Namun, apa yang pasti sekolah berkenaan akan dimulakan dengan sesi untuk

kanak-kanak lelaki," katanya memberitahu Khanyounis adalah antara penempatan terbesar menempatkan pelarian Palestin 1948 di mana tanah mereka dirampas untuk dijadikan penempatan haram yang kini dijadikan negara Israel.

Dalam perkembangan lain, hasil sumbangan seluruh rakyat Malaysia, Aman Palestin meneruskan pelbagai projek yang diyakini mampu membantu seluruh rakyat Palestin. Namun, sudah pasti usaha murni itu menghadapi pelbagai cabaran.

Antara cabaran terpaksa dilalui petugas Aman Palestin adalah dalam proses membawa masuk janakuasa elektrik bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan saja sudah mengambil masa seta-

**FAKTA**  
Kerajaan Palestin memberikan tanah seluas 46,500 meter persegi untuk dijadikan tapak sekolah



DR Zainur menunjukkan janakuasa elektrik yang membekalkan elektrik kepada kompleks kerajaan Palestin.

hun.

Difahamkan, janakuasa elektrik berkenaan dibawa masuk melalui komponen yang dilarikan dan pemasangannya juga memakan masa hampir setahun sebelum ia boleh digunakan.

Ketua Perubatan Misi Perubatan Aman Palestin Profesor Madya Dr Zainur Rashid Zainuddin berkata, janakuasa elektrik berharga RM800,000 itu berjaya dibawa masuk pada penghujung tahun 2011.

"Ia memakan masa hampir setahun untuk dibawa masuk Aman Palestin kerana menghadapi pelbagai kesukaran dan halangan.

"Selepas berjaya dibawa masuk, janakuasa elektrik itu dapat digunakan untuk membekalkan elektrik kepada enam pejabat Kementerian Palestin," katanya memberitahu antara jabatan yang menerima bekalan elektrik itu adalah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Tempatan serta banyak lagi jabatan kerajaan Palestin berhampiran loji janakuasa berkenaan ditempatkan yang dirasmikan pada April 2012.

Menurutnya, kejayaan membawa itu membuktikan

dan menafikan tohmahan segelintir masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO) yang mengatakan ia adalah projek gajah putih Aman Palestin.

"Kumpulan dan individu mengatakan ia hanyalah projek yang akan gagal dan inilah buktinya kesungguhan Aman Palestin dalam menjayakan setiap projek yang dirancang," katanya.

Ditanya wartawan di mana janakuasa elektrik itu dibeli, Dr Zainur berkata ia dibeli di Mesir dengan harga RM500,000 dan baki RM300,000 adalah kos yang dibelanjakan untuk membawa masuk dan pemasangannya.

Dr Zainur berkata, sehingga kini alat elektrik itu dapat digunakan biarpun ada antara kompleks kerajaan sudah musnah akibat dibom jet pejuang tentera Zionis pada November tahun lalu.

Wartawan Harian Metro yang dibawa ke tempat janakuasa berkenaan dapat melihat dan merakamkan gambar bangunan kerajaan yang dimusnahkan tentera zionis.

Dalam serangan itu, janakuasa elektrik tajaan Aman Palestin itu terselamat.

## Israel sekat media laporkan kebenaran

KEADAAN pusat media yang musnah akibat dibedil roket tentera Israel.

Gaza (Palestin): Bagi menyekat kebenaran daripada dilaporkan ke seluruh dunia, tentera Israel turut mensasarkan pusat media yang terletak di Menara Remal Al Shorooq, di sini, dalam kejadian serangan lapan hari, tahun lalu.

Malah, bukan sekadar satu sebaliknya tiga bedilan roket disasarkan ke tingkat dua bangunan empat tingkat itu membuktikan kekejaman tentera Israel dalam kejadian kira-kira jam 2.30 petang (waktu tempatan) pada 19 November lalu.

Menurut pemilik bangunan berkenaan, Aishah Mahmod Ibrahim, 65, dalam serangan berkenaan



“Israel akan menggunakan apa saja cara bagi memenangkan agenda mereka”

Aishah Mahmod Ibrahim

terdapat beberapa petugas media dan orang awam yang cedera.

"Israel bertindak demikian kerana tidak mahu wartawan dan petugas media memberikan laporan kejadian sebenar yang berlaku di seluruh Gaza," katanya ketika ditemui di kediamannya, di sini, kelmarin.

Aishah berkata, Israel akan menggunakan apa saja cara bagi memenangkan agenda mereka dan disebabkan itu jugalah pusat media ini diserang.

Selepas melawat Aishah, wartawan kemudiannya pergi ke manara berkenaan bagi meninjau sendiri keadaan di pusat media itu.



# Kitar semula alat bedah

■ Kedaifan hospital dorong doktor ubah suai mesin pelbagai fungsi



Daripada  
Mohd Firdaus  
Ibrahim

Gaza (Palestin)

**K**ekurangan peralatan perubatan canggih terutamanya untuk proses pembedahan menjadikan doktor tempatan di sini, lebih kreatif dan berinovasi.

Malah, disebabkan terdesak mereka dilaporkan bukan sekadar mengitar semula, sebaliknya menjadikan beberapa barangan sedia ada kepada pelbagai fungsi.

Pakar Perunding Bedah Urologi Hospital Pakar KPJ Perdana Kota Bharu Dr Mohamed Ashraf Mohamed Daud berkata, antara barangan berkenaan adalah inkubator digunakan untuk bayi baru lahir dijadikan tempat untuk menstabilkan peralatan pembedahan.

"Apa yang menyedihkan, peralatan pembedahan selalunya di Malaysia dibuang selepas digunakan, tetapi di sini ia dikitar semula," katanya yang juga seorang sukarelawan Misi Perubatan Aman Palestin.

Menurutnya, sepanjang seminggu berada di sini, dia mendapati selain kurang ubat-ubatan, doktor di Gaza juga memerlukan peralatan canggih untuk melakukan pembedahan.



DOKTOR melakukan pembedahan walaupun tidak cukup kelengkapan di hospital Gaza.



DR Ashraf

Ditanya wartawan risiko bakal dihadapi sekiranya peralatan itu sering dikitar semula, Dr Ashraf berkata, pesakit berkemungkinan

dijangkiti kuman dan proses pembedahan tergendala.

"Jika tiada peralatan lengkap, ia membantutkan proses," katanya memberitahu kebanyakan peralatan sedia ada sudah uzur dan kebanyakan hospital di sini hanya mengharap sumbangan badan bukan kerajaan (NGO) untuk membekalkan peralatan berkenaan.

Berkongsi pengalamannya sepanjang merawat pesakit di Gaza, Dr Ashraf berkata, dia yang mempunyai kepakaran dalam bidang urologi sudah melakukan beberapa pembedahan un-

tuk mangsa perang.

"Kebanyakan mereka mengalami masalah batu karang, namun kebanyakan mereka cedera akibat peperangan," katanya.

Katanya, Isnin lalu, dia dan dua lagi pakar urologi yang juga sukarelawan Aman Palestin melakukan pemasangan alat bantuan ereksi (penile prosthesis insertion). Ini bagi membolehkan seorang pesakit yang lumpuh dari bahagian pinggang ke bawah akibat terkena letupan bom menjalankan kegiatan seks seperti biasa.

"Ini pemasangan pertama

berjaya dilakukan di Palestin dan setiap satu daripadanya bernilai RM30,000," katanya.

Ketika menjawab sama ada doktor di Palestin mempunyai kepakaran dalam urologi, Dr Ashraf berkata, hanya ada beberapa orang dilihat mempunyai kemahiran itu.

"Saya bimbang kerana kebanyakan mereka (doktor) lepasan ijazah dari Russia yang diketahui umum kurang kelayakan," katanya.

Menurutnya, selagi berada di bumi Palestin, dia dan rakan akan berusaha merawat lebih ramai pesakit.

## Misi lepassi sasaran awal

**Gaza (Palestin):** Biar pun hanya mensasarkan 21 pembedahan elektif, Misi Perubatan Aman Palestin berjaya melakukan 28 pembedahan bagi merawat pesakit terutamanya mangsa perang di tiga hospital, di sini, sepanjang misi berkenaan berlangsung.

Ketua Misi Perubatan Aman Palestin Ustaz Anas Abdul Wahab berkata, sasaran awal misi adalah untuk menjalankan 21 pembedahan dan ia berjaya dilakukan.

"Malah, kami juga melepasi sasaran kerana berjaya melakukan 28 pembedahan.

"Ini membuktikan ke-sungguhan sukarelawan terutamanya enam doktor yang bertungkus-lumus merawat pesakit dalam pembedahan yang berpusat di tiga hospital di sini," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan Palestin Dr Mufaeed Alkhalilaty dalam majlis penutupan misi perubatan berkata, dia menghargai jasa sukarelawan terdiri daripada doktor yang merawat rakyat Palestin.

"Saya berharap, misi serupa ini dapat diteruskan pada masa depan.

"Mungkin selepas ini dalam skala doktor yang lebih ramai," katanya.

## Gantung dalam sangkar haiwan



SANGKAR digunakan untuk menyiksa penduduk Palestin.

**Gaza (Palestin):** Ada antara mereka digantung di dalam sangkar haiwan dan dibiarkan di tengah panas selepas disiksa. Selebihnya dibiarkan bersesak di dalam satu sel yang rata-ratanya disumbat seramai enam hingga 14 orang.

Di tingkat atas bangunan dua tingkat itu pula terdapat bilik soal siasat dilengkapi alat renjatan elektrik, kayu, pisau, jarum dan sebagainya.

Difahamkan, ketika soal siasat dilakukan semua tahanan disiksa sama ada menjawab soalan atau tidak.

Itulah bukti kekejaman tentera Israel dalam terhadap rakyat Palestin. Malah, saya berkesempatan melawat bangunan menyimpan kesengsaraan dan penderitaan rakyat Palestin yang kini di bawah seliaan Pengarah Persekitaran Pertahanan dan Pembebasan Weid, Taufik Abu Naim.

Menurutnya, penjara itu di bawah penguasaan Israel pada 1965 hingga 1994 ketika

Gaza ditawan Israel.

"Malah, bagi menghapuskan bukti kekejaman mereka itu, tentera Israel melancarkan roket bagi memusnahkan kawasan penjara itu yang turut menyebabkan 280 rakyat tidak berdosa maut pada 2008.

Pemerhatian saya mendapati, terdapat sel diasingkan terutamanya bagi tahanan berpangkat tinggi.

Taufik memberitahu antara pemimpin tertinggi pernah ditahan di penjara itu adalah pemimpin Hamas, Syeikh Ahmad Yasin.

Biar pun saya hanya dapat menyaksikan penjara yang kosong pada lawatan kelmarin, namun sebaik memasukinya timbul satu perasaan iaitu rasa sedih dan marah memenuhi jiwa.

Saya berasa marah apabila terbayang bentuk seksaan kejam digunakan tentera Israel terhadap semua tahanan dan rasa sedih pula menangkan kesengsaraan dihadapi tahanan.

Untuk makluman, kurang 10 meter dari penjara itu diadakan majlis kematian bekas tahanan tentera di dalam penjara Israel berlangsung.

Tahanan yang maut itu adalah seorang pemimpin Fatah berpangkat panglima, Abu Hamdiah, 65, yang ditahan sejak 20 tahun lalu.

Abu dilapor menghembuskan nafasnya di penjara Israel Isnin lalu dan saya difahamkan jenazahnya selamat disembadikan, namun tidak pasti lokasinya.

Apa yang pasti, ribuan pelajar daripada Universiti Islam Gaza berarak dari universiti mereka kira-kira 200 meter dari lokasi majlis memperingatinya diadakan sambil melaut kekejaman Israel dan memperingati

jasa Abu.

Ketika wartawan bersama kumpulan sukarelawan berkunjung ke majlis itu, potret Abu diletakkan bersama replika keranda di pintu masuk.

Semoga Allah memberkati rohnya dan ditempatkan bersama Mujahiddin yang lain.



SEORANG penduduk Palestin menunjukkan gambar anaknya yang menjadi tahanan Israel.





ANGGOTA Briged Abdul Qader al-Hossaini berikran membebaskan Palestin dari cengkaman Zionis.



WARTAWAN memegang pelancar roket digunakan Briged Abdul Qader al-Hossaini.

# Serangan 'batu dari neraka'



Daripada Mohd Firdaus Ibrahim

Gaza (Palestin)

Tidak sepopuler Briged Tentera al-Qassam, namun bagi penduduk tempatan mereka bukan pejuang yang boleh diperkotak-katikkan tat kala keupayaan teknologi dalam menghasilkan pelbagai senjata api berat dan roket dikenali sebagai 'Sam7' yang juga digelar 'batu dari neraka'.

Untuk makluman, Briged Tentera Abdul Qader al-Hossaini adalah kumpulan pejuang Mujahidin yang bertanggungjawab dalam serangan mengejutkan Israel.

November tahun lalu, tat kala dihimpit serangan membabi-buta tentera Israel yang mengakibatkan kematian ratusan rakyat Palestin, sekali lagi pasukan tentera al-Hossaini menjadi penyelamat dengan melancarkan

## Briged Abdul Qader al-Hossaini bina roket canggih dilancar ke wilayah Zionis

roket yang berjaya sampai ke wilayah Zionis itu.

Tersentak dengan serangan itu, tentera Israel melakukan genjatan senjata dipercayai sebagai satu langkah Zionis menyiasat bagaimana kumpulan pejuang Palestin mampu membangunkan senjata canggih itu.

Dengan bantuan rakyat Malaysia di Palestin, Shahrina Ahmad Sharkawi dan suami, Hassan Rezaq al-Zahra, akhirnya saya mendapat kebenaran bertemu mereka.

Seperti dijanjikan, tepat jam 9 malam, saya dibawa ke sebuah bangunan yang tidak diketahui lokasinya.

Ketika melangkah masuk, saya menyedari diperhatikan dengan tajam sekumpulan lelaki berpakaian biasa, namun dapat mengagak, mereka sebahagian pasukan tentera berkenaan, namun renungan dibalas dengan memberi salam dan bersalaman.

Selepas bersalaman, saya

diperkenalkan kepada Panglima Briged Tentera Qader al-Hossaini sebelum dipelawa duduk di ruang tamu. Pengamatan saya mendapati panglima yang mahu dikenali sebagai Umar itu hanya berpakaian biasa dan tidak banyak berbicara.

Saya dihidangkan teh sebelum diminta menerangkan tujuan sebenar bertemu mereka. Disebabkan tidak mampu berbahasa Arab, ada seorang ahli pasukan berkenaan yang lagak gayanya seperti 'saintis' berusia 40-an tidak berpuas hati ataupun sengaja mahu menguji saya.

Mengambil pendekatan selamat, saya membaca surah al-Fatihah di hadapan mereka dengan kuat menyebabkan 'saintis' itu terseenyum tanda berpuas hati.

Sesudah 'ujian kecil' itu, Umar memberi kebenaran meninjau keupayaan pasukannya.

Namun, sebelum itu, dia meminta dikongsikan kisah peperangan meletus di Sabah terlebih dulu kepadanya dan beberapa pemimpin bawahannya.

Selepas penerangan selesai, Umar mengiringi saya mengikuti laluan rahsia mengubungkan bilik bawah tanah.

Sebaik pintu itu dibuka, saya melihat sebahagian pasukan al-Hossaini yang lengkap berpakaian tentera, namun memakai topeng muka bagi tidak mendedahkan identiti mereka.

Seperti diminta, Umar membenarkan saya memasuki dan meninjau tempat mereka memproses dan membuat senjata api serta

roket. Pada pengamatan saya, jurutera dan saintis al-Hossaini hanya menggunakan peralatan ringkas dalam menghasilkan bom, roket dan senjata api.

Umar memperkenalkan saya kepada individu bertanggungjawab membangunkan roket dan senjata api itu. Lelaki terbabit adalah orang sama yang melakukan 'ujian kecil' terhadap saya sebelum itu. Malah, ketika itu, dia (saintis) lebih mesra, sekali gus memudahkan kerja mengumpul maklumat serta merakam gambar.

Umar memberitahu, dengan bantuan saintis mahupun jurutera dan beberapa lagi anak buahnya, mereka membina ratusan roket yang mampu sampai antara jarak lima dan 75 kilometer (km). Malah, mereka juga mempunyai senjata yang mampu menjatuhkan pesawat pejuang tentera Israel.

"Ini buatan Gaza sepenuh-

nya. Ia dihasilkan daripada pesawat Israel yang terhempas selepas ditembak," katanya sambil ketawa sinis sebelum memberitahu, pasukannya sudah membina ratusan roket berkenaan dan menunggu masa bagi menyerang tentera Israel dengan 'batu dari neraka' bagi membebaskan Masjidil Aqsa.

Menurut Umar, kejayaan melancarkan roket ke kawasan penempatan Israel November lalu menyebabkan mereka terpaksa membuat genjatan senjata kerana takut. "Mereka (Israel) mungkin terkejut kerana tanpa peralatan canggih, kami berjaya menghasilkan roket bermutu tinggi," katanya.

Dengan perasaan bimbang, saya meminta kebenaran mengambil gambar dan memeriksa roket itu. Tanpa sebarang halangan, Umar membenarkan gambar mereka dan peluru berpandu dirakam.

**FAKTA**  
Roket dilancarkan Briged Qader al-Hossaini memaksa tentera Zionis umum gencatan senjata

## Setiap ahli mati syahid pertahan Palestin



ANGGOTA Briged Abdul Qader al-Hossaini diberikan penerangan oleh ketua mereka.

**Gaza (Palestin):** Kami bukanlah penganas sebaliknya hanya berjuang mempertahankan kedaulatan bumi Palestin daripada kejahatan tentera Zionis.

Itulah laungan pasukan Briged Tentera Abdul Qader al-Hossaini ketika pertemuan sulit saya dan pasukan berkenaan di sebuah bilik bawah tanah yang tidak diketahui lokasinya, kelmarin.

Panglima Briged Tentera Abdul Qader al-Hossaini yang hanya mahu dikenali sebagai Umar berkata, pasukannya dan seluruh pejuang di Palestin bukanlah penganas seperti dilaporkan segelintir media terutamanya mereka (media Barat yang bersekongkol

dengan Israel.

"Kami hanya mempertanyakan setiap inci tanah dan bumi Palestin daripada terus dijajah tentera Israel," katanya.

Menurutnya, laporan segelintir media menyebabkan persepsi bahawa semua pejuang Palestin adalah penganas.

"Siapa penganas sebenarnya, kami atau mereka (Israel) yang merampas tanah dan bumi rakyat Palestin," katanya meminta semua media lebih telus dan melaporkan kebenaran dalam sesuatu perkara.

Umar berkata, setiap ahli pasukannya berjihad dan menginginkan syahid ketika mempertahankan Gaza dan Palestin.

## Takziah buat wira Malaysia

**Gaza (Palestin):** "Sampaikan salam takziah kami kepada seluruh keluarga pasukan keselamatan Malaysia yang terkorban di Sabah dan mereka yang syahid kini berada di sisi Allah," kata Panglima Briged Tentera Abdul Qader al-Hossaini yang mahu dikenali sebagai Umar mewartakannya.

Kenyataan itu dibuat Umar ketika dia dan sebahagian pasukannya membawa saya meninjau senjata dan roket buatan tangan yang dibina saintis dan jurutera mereka sendiri di sebuah bilik bawah tanah, di sini, kelmarin.

Malah, dalam pertemuan itu Umar juga meminta saya menceritakan keadaan Sabah yang berlaku di Sabah

kepada mereka. Ketika menerangkan keadaan itu, saya melihat Umar dan sebahagian ahli tenteranya hanya mendiamkan diri dan memberikan penumpuan sepenuhnya.

Selepas menceritakan apa yang berlaku, Umar dengan lantang memberitahu bahawa ahli pasukan keselamatan yang terkorban itu sebagai syahid.

"Sesiapa yang mati mempertahankan agama dan kedaulatan negaranya adalah syahid," katanya.

Ditanya bagaimana dia mengetahui kejadian di Sabah itu, Umar berkata, s dia sering mengikuti perkembangan Malaysia melalui Internet.





RATUSAN keluarga berkumpul mendesak Israel membebaskan tahanan perang.

# Demonstrasi setiap Isnin

## Perhimpunan depan pejabat Palang Merah menuntut pejuang Palestin dibebaskan



Daripada Mohd Firdaus Ibrahim

Gaza

Ratusan keluarga berkumpul di Pejabat Palang Merah di sini, pada setiap Isnin untuk melakukan demonstrasi aman bagi mendesak Israel membebaskan ribuan rakyat dan pejuang Palestin yang ditahan.

Wartawan dimaklumkan, demonstrasi itu akan bermula antara jam 9 pagi hingga 12 tengah hari setiap minggu.

Seorang daripada penganjur himpunan itu yang enggan dikenali berkata, seramai 4,000 rakyat dan pejuang Palestin menjadi ta-

hanan di penjara Israel.

"Di Gaza saja, masih ada 500 orang ditahan dan diyakini sedang dizalimi tentera Israel dengan pelbagai seksaan yang tak mampu dibayangkan kesakitan mereka," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, kekejaman tentera zionis itu hanya akan diketahui apabila tahanan dibebaskan kerana tidak semua mereka melalui penderaan yang sama.

"Antara penderaan yang dilakukan rejim Zionis ialah menggunakan kejutan elektrik, dibelasah selain tidak dibenarkan makan dan minum.

"Itu yang kita tahu. Yang belum kita tahu sukar dibayangkan dan saya hanya mampu berdoa supaya semua mereka dibebaskan,"

katanya.

Sementara itu, seorang peserta demonstrasi, Ummu Ibrahim, 78, berkata, anaknya Ibrahim Baruh, 50, menjadi tahanan di penjara Israel sejak 27 tahun lalu.

"Sehingga kini Ibrahim belum dibebaskan dan setiap Isnin saya datang ke pejabat ini untuk menyertai demonstrasi," katanya.

Pengakuan warga emas terbabit bahawa dia tidak pernah terlepas menyertai demonstrasi itu sejak 27 tahun membuktikan betapa besar harapannya sebagai ibu untuk bertemu semula dengan anak.

Malah, katanya, dia tetap datang biarpun keadaan sakit bukan sekadar mahu mendesak Israel membebaskan anaknya, malah seluruh tahanan.

## Mayat bayi berkain pelekat

**Petaling Jaya:** Mayat seorang bayi perempuan yang dibalut dengan kain pelekat ditemui di tepi jalan susur Damansara Damai menghala Sungai Buloh di sini, pagi tadi.

Polis menerima maklumat penemuan mayat bayi itu oleh orang awam yang sedang berjalan menuju ke tempat kerja kira-kira jam 8 pagi.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed berkata, pemeriksaan awal pasukan forensik mendapati mayat bayi yang cukup sifat itu dipercayai dilahirkan dua hingga tiga hari lalu.

Katanya, mayat itu juga

mempunyai kesan lebam di beberapa bahagian badan dipercayai perbuatan jenayah yang menjadi punca kematiannya.

"Pemeriksaan polis di tempat kejadian tidak menemui sebarang bukti lain yang boleh membantu siasatan. Tiada nota dan mayat bayi tidak berpakaian, hanya dibalut kain pelekat.

"Mayat itu dipercayai dicampak awal pagi bagi mengelak dikesan orang ramai. Lokasi kejadian pula tidak ada sistem kamera litar tertutup (CCTV) dan setakat ini tiada saksi tampil membantu siasatan," katanya ketika dihubungi Metro Ahad di sini, semalam.

Arjunaidi berkata, polis sedang menjalankan siasatan untuk mengesan suspek kejadian, termasuk meneliti rekod kelahiran baru di pusat perubatan berhampiran.

"Secara logiknya, ibu kepada bayi itu masih dalam keadaan lemah kerana baru bersalin. Jadi kemungkinan ada suspek lain yang turut terbabit dalam kejadian ini.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh dan polis meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat supaya tampil segera di balai polis berdekatan," katanya.

# TESCO

Berusaha demi anda

# Tawaran BULAN Ini

Sah sehingga 30 Apr 2013



RM6.29 /pek  
**360**

JIMAT 2.69

Kek Pound Vanilla/ Cip Coklat



RM9.99 /pek  
**688**

JIMAT 3.11

Kopi Pracampur Aik Cheong Coffeemix 3-Dalam-1 30x20gm



RM31.99 /pek  
**2650**

JIMAT 5.49

Beras Super Import Jasmine Super 5 10kg



RM125.00 /unit  
**8990**

JIMAT 35.10

Kipas Berdiri Khind 16" SF1682/ 1688



RM21.90 /helai  
**990**

JIMAT 12.00

Tuala Mandi City 27"x54"/ 26"x52" Aneka/ Tuala Mandi CB 27"x54"/ 26"x52" Aneka



Beli 2  
**RM 18**

JIMAT 6.00

Baju Tee Lelaki RM12.00/ helai



Kumpulkan Mata Clubcard juga!

Semua harga dan maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada waktu cetakan tetapi tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu. Semua harga adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia. Walaupun usaha rapi telah diambil sepanjang proses pengeluaran, sebarang ketidaktepatan atau ketinggalan tidak disengajakan dan amat dikesali. Justeru itu, Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd (521419-K) tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas ketidaktepatan atau ketinggalan tersebut. Pihak kami berhak menghadkan kuantiti barangan untuk jualan dan pihak kami juga berhak untuk tidak menjual mana-mana barangan kepada mana-mana pihak di atas pertimbangan kami. Tawaran sah sementara stok masih ada. B.PGK HQ (JM) 2013/30/2



MUHAMMAD  
menunjukkan kedua-dua  
kakinya yang dipotong.



# 'JENAZAH' HIDUP SEMULA

## ■ Jantung Ketua Tentera al-Qassam berdegup semula selepas enam jam disahkan meninggal dunia

Oleh Mohd Firdaus Ibrahim  
mfirdaus@hmetro.com.my  
Gaza (Palestin)

Dia sudah diisytiharkan mati berikutan kecederaan parah yang dialami, namun kira-kira enam jam selepas itu iaitu ketika 'jenazahnya' dituntut keluarga untuk urusan pengebumian, tiba-tiba jantungnya berdegup semula, sekali gus mengejutkan semua pihak.

Itu keajaiban dan kekuasaan Allah yang diperlihatkan ke atas Ketua Tentera al-Qassam kawasan Zaitun, Muhammad al-Hasanad, 32, yang dikongsi dengan wartawan Harian Metro pada pertemuan dengannya di sini.

Muhammad berkata, kejadian itu berlaku selepas dia diserang puluhan pesawat tanpa juruterbang (drone) milik Israel pada 2008 menyebabkan dia cedera teruk termasuk kedua-dua kakinya terpaksa dipotong hingga paras paha.

"Nyata, kekuasaan Allah mengatasi segala-galanya. Saya sudah disahkan meninggal dunia namun selepas enam jam, jantung saya tiba-tiba berdenyut

semula.

"Anggota keluarga dan sahabat handai yang ketika itu datang menuntut 'jenazah' saya untuk dikebumikan semuanya terkejut, lantas bersyukur dengan kekuasaan Allah," katanya yang ditemani isteri, Fatimah Hasanad, 32.

Mengimbas kejadian itu, Muhammad berkata, pada tahun berkeanaan dia dan pasukan tentera pimpinannya berjuang melawan tentera Israel yang mahu merampas tanah Palestin.

"Sebagai ketua, sudah semestinya saya menjadi sasaran tentera Israel. Tentera Israel sebenarnya pengecut kerana mereka tidak berani berlawan secara berhadapan sebaliknya hanya menghantar pesawat tanpa juruterbang untuk membunuh pejuang Islam," katanya.

Menurutnya, ketika kejadian jam 9 pagi itu, dia dan anak buahnya berusaha menembak pesawat itu

di dalam kawasan ladang buah zaitun di Zaitun.

"Tiba-tiba lebih 10 pesawat itu berada betul-betul di atas kepala saya sebelum menghujani ratusan peluru dan bom beracun. Ketika itu, saya sangkakan sudah mati namun berse-rah kepada Allah kerana sudah bersedia untuk mati syahid demi mempertahankan Islam.

"Selepas itu saya terus tidak sedarkan diri dan hanya sedar beberapa hari kemudian sebelum keluarga dan rakan menceritakan

yang saya mati hidup semula," katanya.

Menceritakan kejadian sama, Fatimah pula berkata, sebaik saja diberitahu suaminya sudah meninggal dunia, dia menangis mengenangkan nasib anak-anak yang masih kecil.

"Namun, saya sedari setiap pejuang di bumi Palestin inginkan syahid...begitu juga suami saya. Jadi, saya tabahkan hati kerana sudah menjangka perkara itu akan berlaku," katanya.

Menurutnya, selepas diserang jet tentera Israel, suaminya tidak dapat dikeluarkan daripada kawa-

san pertempuran kerana musuh menggunakan bom beracun.

"Selepas beberapa jam barulah Muhammad berjaya dikeluarkan namun pakar perubatan mengesahkan dia mati di tempat kejadian dan dia dibawa ke bilik mayat Hospital al-Shifa.

"Semua persiapan pengebumiannya sudah diuruskan sebelum jantungnya berdenyut semula enam jam kemudian. Itu keajaiban dan kehebatan kuasa Allah.

"Bagaimanapun, dua kaki Muhammad terpaksa dipotong dan dia melakukan pembedahan itu di Mesir dan sehingga kini dia tidak mendapat rawatan lanjut atau menerima kaki palsu," katanya.

Muhammad yang masih mengendalikan pergerakan tenteranya di kawasan berkenaan berkata, dia berharap rakyat Malaysia mampu memberikan sumbangan bagi membolehkannya mendapat rawatan di Malaysia.

"Seorang daripada rakan saya sudah melakukan pembedahan itu di Malaysia. Malah, dia juga kini mempunyai kaki palsu. Saya pun mahukan begitu.

"Saya mahu terus menabur bakti kepada rakyat Palestin selagi nyawa di kandungan badan," katanya berharap badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia tampil membantunya.

**22**  
tahun bersama  
**ANDA**

"Sepanjang kewujudan akhbar Harian Metro dalam industri media, kerjasama mudah dijalinan dalam apa jua situasi terutama membabitkan penyaluran maklumat kepada orang ramai. Tidak hairanlah akhbar ini disukai memandangkan kaedah penyampaiannya juga ringkas namun padat"

MAZLAN ISMAIL  
Timbalan Pengarah Farmasi  
Kementerian Kesihatan  
Malaysia (KKM)

## Pelopor ajaran sesat miliki jet persendirian

**Kuala Lumpur:** Lelaki dikenali sebagai Ustaz Harun yang ditahan kerana memelopori satu ajaran sesat di Kuantan, Khamis lalu sebelum ini dilaporkan hidup mewah termasuk memiliki sebuah syarikat jet persendirian, selain deretan kereta mewah seperti Nissan Fair-Lady, Subaru Impreza, Toyota Alphard dan BMW.

Kisah penipuan lelaki berusia 47 tahun mula dilaporkan Harian Metro pada 28 Mei 2011 selepas namanya tersenarai sebagai antara individu paling dikehendaki Bank Negara Malaysia (BNM) sejak Disember 2008 berhubung penipuan skim cepat kaya dan pengambilan de-



LAPORAN Harian Metro  
28 Mei 2011.

posit secara haram mencecah RM200 juta.

Ustaz Harun yang beralamat terakhir di 70, Rumah Murah Kos Rendah, Telaga Daeng Satu, Seberang Takir, Kuala Terengganu juga dipercayai menjadi dalang bagi 'projek pelaburan' dijalankan syarikatnya, Dina Group Sdn Bhd.

## Reman hingga esok

**Kuantan:** Ketua ajaran sesat 'Tuhan Harun' yang di tahan di sebuah studio muzik di Lorong Pandan Dama, di sini, Khamis lalu masih direman di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), di sini, sehingga esok.

Bagaimanapun, difahamkan, penahanan lelaki berusia 47 tahun itu diteruskan bagi membolehkan polis menjalankan siasatan terhadap satu kes penipuan terhadap seorang kontraktor membabitkan wang RM400,000 yang dilakukan pada 2008.

Ketua Polis Pahang Datuk Sharifuddin Abd Ghani berkata, suspek kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan diserahkan



LAPORAN Harian Metro  
kelmarin.

kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tindakan lanjut berhubung pembabitannya dalam beberapa kes penipuan sebelum ini.

Harian Metro, kelmarin melaporkan, 31 individu membabitkan pengikut ajaran sesat dan ketuanya yang diberi gelaran Tuhan Harun ditahan JAIP dalam serbuan Khamis lalu.